

27/04/2003

The Economist perlu minta maaf: Pak Lah

Maznah Darus; Mohd Anwar Patho Rohman

GEORGETOWN: Majalah The Economist perlu memohon maaf kepada Malaysia dan rakyatnya kerana menerbitkan laporan tidak ikhlas mengenai negara ini, kata Pemangku Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi.

Abdullah berkata, majalah itu bertanggungjawab penuh terhadap laporan rencana berkenaan kerana fakta dan maklumat yang terkandung di dalamnya tidak betul.

"Itu (memohon maaf) boleh jadi satu usaha dan saya fikir elok mereka memberi maklum balas terutama apabila fakta dan maklumat yang terkandung di dalam rencana itu tidak tepat," katanya.

Beliau berkata demikian pada sidang akhbar selepas menyertai Kejohanan Golf Amal Universiti Tunku Abdul Rahman (Utar) di Kelab Rekreasi Bukit Jambul, di sini, semalam.

Hadir sama, Menteri Pengangkutan, Datuk Seri Dr Ling Liong Sik.

Abdullah yang juga Menteri Dalam Negeri berkata demikian sebagai mengulas sebuah rencana The Economist edisi 5 April lalu yang mengkritik keras kepemimpinan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Pemangku Perdana Menteri berkata, beliau tidak mahu membuat sebarang spekulasi kemungkinan penerbitan rencana The Economist itu didalangi pihak

tertentu kerana ia ditulis oleh wartawan majalah itu.

"Wartawan The Economist yang menulis rencana berkenaan harus bertanggungjawab terhadap laporan mereka termasuk fakta yang terkandung di dalamnya," katanya.

Abdullah berkata, kerajaan tidak mahu membuat andaian sama ada kemungkinan penulisan rencana itu mempunyai agenda daripada pihak tertentu.

"Tetapi rencana itu menunjukkan banyak pembangkang yang dirujuk dan memberi pandangan kepada pihak The Economist," katanya.

Beliau juga berkata, laporan itu tidak menggoncang pendirian rakyat untuk terus menyokong Perdana Menteri kerana sudah terbukti usaha kerajaan

selama ini diiktiraf rakyat termasuk dari luar negara.

"Begitu juga dengan saya, memberi sokongan kepada PM yang tidak berbelah

bagi seperti dulu dan akan terus menyokong kerana tidak ada masalah antara

saya dengan beliau pada waktu ini," katanya.

Mengenai laporan Harakah, akhbar rasmi Pas baru-baru ini yang mendakwa Malaysia bersekongkol dengan Amerika, mungkin mempunyai niat yang sama dengan The Economist, Abdullah berkata:

"Itu cerita yang mengandungi niat dan tujuan melahirkan kebencian rakyat

kepada kita. Laporan itu tidak ada asas langsung dan mereka (pembangkang)

buat tidak faham dengan pendirian kita selama ini khususnya berkaitan dengan dasar Amerika dan peperangan yang dilancarkan Iraq dan isu Palestin. Semua itu membuktikan pendirian kita yang menentang tindakan

Amerika".

Dalam perkembangan lain, Abdullah yang juga Timbalan Presiden Umno meminta ahli Umno yang belum mendaftar sebagai pengundi supaya berbuat demikian tanpa menunggu petugas Umno datang menemui mereka.

"Tindakan untuk mendaftar ahli Umno sebagai pengundi sedang giat dijalankan, tetapi mereka seharusnya tidak perlu menunggu petugas ini datang," katanya.

Difahamkan hampir 500,000 ahli Umno di seluruh negara belum mendaftar sebagai pengundi walaupun usaha itu giat dijalankan.